

HONG LEONG CREDIT CARD "SPECIAL FLEXI PAYMENT PLAN CAMPAIGN"

Tempoh Kempen

1. Kempen Hong Leong Bank ("HLB") "Special Flexi Payment Plan ("SFPP") ("Kempen") bermula pada 15 Disember 2017 dan berakhir pada 16 Jun 2018, kedua-dua tarikh termasuk ("Tempoh Kempen"), kecuali dinyatakan sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat yang ditetapkan berikut terpakai untuk Kempen ("T&C"):-

Kelayakan

2. Kempen ini terbuka kepada Pemegang Utama Kad Kredit HLB individu sedia ada terpilih yang menerima jemputan untuk menyertai Kempen ini melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") dan panggilan telepemasaran sepanjang Tempoh Kempen ("Pemegang Kad Terpilih").
3. Pemegang Kad Terpilih yang akaun kad kreditnya dalam keadaan yang baik (tidak ingkar) layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.

Tata Cara Kempen

4. Pemegang Kad yang terpilih boleh dalam tempoh kempen iaitu memohon kepada HLB untuk menukar Baki Runcit Perlu Dijelaskan Layak mereka (sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 7 di bawah) ke dalam SFPP pada Kadar Faedah Rata 7% setahun atau 8% setahun bagi tempoh sehingga 60 bulan ("Tempoh Ansuran SFPP") tertakluk kepada jumlah tertunggak semasa yang perlu dibayar dan terhutang kepada HLB dan hendaklah pada Jumlah Baki Runcit Layak Minimum yang dinyatakan di bawah ("Pemegang Kad Layak").

Tingkat Kadar Runcit Pemegang Kad (setahun)	Kadar Faedah Rata SFPP (setahun)	Tempoh (bulan)	Kadar Faedah Efektif ("EIR") (setahun)	Jumlah Baki Runcit Perlu Dijelaskan Minimum(RM)
15%	7%	12	12.68%	1,000
		18	12.87%	
		24	12.91%	
		36	12.83%	
		48	12.68%	
		60	12.50%	
17% dan 18%	8%	24	14.68%	1,000
		36	14.55%	
		48	14.35%	
		60	14.13%	

5. SFPP membenarkan Pemegang Kad Layak untuk membayar balik Baki Runcit Perlu Dijelaskan Layak dengan jumlah yang ditetapkan (seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 4 di atas) dan yang telah pun dikeluarkan penyata ke akaun kad kredit Pemegang Kad Layak dan/atau direkodkan dalam penyata kad kredit semasa secara ansuran bulanan melalui Tempoh Ansuran SFPP yang ditetapkan ("Ansuran Bulanan SFPP") seperti yang dipersetujui di antara Pemegang Kad Layak dan Bank.
6. Untuk tujuan Kempen ini, SFPP adalah terpakai kepada semua baki runcit perlu dijelaskan terdiri daripada

transaksi runcit terkumpul kecuali pendahuluan tunai, jumlah ansuran yang perlu dijelaskan di bawah program-program lain HLB seperti Balance Transfer, Balance Transfer Plus, Extended Payment Plan, Cash-on-Call, Call-for-Cash, Call-for-Cash Plus, Fi Tahunan dan caj lain yang dikenakan oleh Bank sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perjanjian Pemegang Kad ("Baki Runcit Perlu Dijelaskan Layak").

7. Penukaran SFPP tidak layak untuk apa-apa mata ganjaran dan/atau rebat tunai kecuali jika diberitahu sebaliknya oleh Bank.
8. Ansuran bulanan SFPP dikira dengan membahagikan jumlah gabungan Keseluruhan faedah SFPP (iaitu pada kadar rata sebanyak 7% setahun atau 8% setahun) dan Jumlah SFPP yang diluluskan oleh HLB dengan Tempoh Ansuran SFPP dan akan dibilkan kepada Akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak pada setiap bulan sehingga selesai Tempoh Ansuran SFPP dan dijelaskan seperti berikut:

Ansuran Bulanan SFPP = (Jumlah Keseluruhan Faedah SFPP + Jumlah SFPP diluluskan) ÷ Tempoh AnsuranSFPP (dalam bulan).

Contoh SFPP dengan 8% setahun pengiraan Ansuran Bulanan Kadar Faedah Rata selama tempoh 24 bulan berdasarkan kaedah pembayaran balik pengurangan baki bulanan:

Pemegang Kad akan dikenakan jumlah SFPP sebanyak RM10,000 untuk tempoh 24 bulan dengan kadar faedah efektif yang sepadan sebanyak 14.68% setahun berdasarkan pada contoh ini; Ansuran bulanan SFPP perlu dibayar selama 24 bulan akan menjadi RM483.33.

Ilustrasi potongan pokok bulanan serta faedah bulanan yang dikenakan dalam ansuran adalah seperti berikut:

Bulan	Pokok Asal (RM) (A)	Pokok Bulanan (RM) (B)	Faedah Bulanan (RM) (C)	Ansuran Bulanan (RM) D = (B + C)	Baki Pokok (RM) E = (A – B)
1	10,000.00	361.02	122.31	483.33	9,638.98
2	9,638.98	365.44	117.89	483.33	9,273.53
3	9,273.53	369.91	113.42	483.33	8,903.62
4	8,903.62	374.43	108.90	483.33	8,529.19
5	8,529.19	379.01	104.32	483.33	8,150.18
6	8,150.18	383.65	99.68	483.33	7,766.53
7	7,766.53	388.34	94.99	483.33	7,378.18
8	7,378.18	393.09	90.24	483.33	6,985.09
9	6,985.09	397.90	85.43	483.33	6,587.19
10	6,587.19	402.77	80.57	483.33	6,184.43
11	6,184.43	407.69	75.64	483.33	5,776.73
12	5,776.73	412.68	70.65	483.33	5,364.05
13	5,364.05	417.73	65.61	483.33	4,946.33
14	4,946.33	422.84	60.50	483.33	4,523.49
15	4,523.49	428.01	55.33	483.33	4,095.48
16	4,095.48	433.24	50.09	483.33	3,662.24
17	3,662.24	438.54	44.79	483.33	3,223.70
18	3,223.70	443.90	39.43	483.33	2,779.80
19	2,779.80	449.33	34.00	483.33	2,330.46
20	2,330.46	454.83	28.50	483.33	1,875.63
21	1,875.63	460.39	22.94	483.33	1,415.24
22	1,415.24	466.02	17.31	483.33	949.22
23	949.22	471.72	11.61	483.33	477.49
24	477.49	477.49	5.84	483.33	0

9. Pemegang Kad Layak perlu membayar jumlah Ansuran Bulanan SFPP penuh selain daripada 5% bayaran minimum bulanan yang perlu dijelaskan ke atas baki tertunggak kad kredit yang lain. Sekiranya pembayaran ini tidak diterima oleh HLB sepenuhnya pada atau sebelum tarikh akhir pembayaran seperti yang dinyatakan di dalam penyata bulanan kad, caj kewangan semasa dan fi pembayaran lewat akan dikenakan ke atas jumlah gabungan yang terdiri daripada Ansuran Bulanan SFPP ditambah 5% bayaran minimum, mengikut terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad.
10. Pemegang Kad Layak hendaklah dengan segera menyelesaikan semua baki yang perlu dijelaskan SFPP termasuk fi dan faedah jika:
 - a) mereka ingkar dengan mana-mana T&C di sini atau mana-mana syarat di bawah Perjanjian Pemegang Kad;
 - b) mereka ingkar membayar Ansuran Bulanan SFPP dan/atau apa-apa jumlah perlu dibayar selama lebih daripada enam puluh (60) hari dari tarikh akhir;
 - c) SFPP dibatalkan atau ditamatkan kerana apa jua sebab; atau
 - d) sekiranya akaun kad kredit dibatalkan atau ditamatkan.

Jika tidak, caj kewangan semasa termasuk fi bayaran lewat (jika ada) akan dikenakan ke atas baki perlu dijelaskan SFPP tersebut sehingga penyelesaian penuh semua baki tertunggak SFPP.

Saluran Permohonan SFPP

11. Pemegang Kad Terpilih boleh memohon SFPP melalui panggilan yang diterima daripada pegawai telepermasaran HLB dan dengan jelas menyatakan/memberikan Baki Runcit Perlu Dijelaskan Layak, jumlah dan tempoh yang diinginkan untuk penukaran SFPP.
12. Kelulusan permohonan Pemegang Kad layak untuk SFPP tertakluk kepada:-
 - a) jumlah belum dijelaskan semasa dalam akaun kad kredit Pemegang Kad Layak;
 - b) had kredit ansuran tersedia Pemegang Kad Layak ketika permohonan penukaran SFPP;
 - c) akaun kad kredit Pemegang Kad Layak tidak ingkar ketika permohonan SFPP; dan
 - d) dalam mana-mana kes lain, atas budi bicara mutlak Bank.
13. Pemegang Kad Layak akan dimaklumkan mengenai kelulusan atau penolakan permohonan penukaran SFPP beliau secara bertulis melalui pos dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh Bank menerima permohonan penukaran SFPP Pemegang Kad Layak. Bank berhak untuk menolak permohonan penukaran SFPP tanpa memberi sebarang alasan. Sekiranya Pemegang Kad Layak tidak menerima apa-apa pemberitahuan daripada Bank selepas sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh HLB menerima permohonan bagi SFPP penukaran, Pemegang Kad Layak dikehendaki menghubungi Pusat Panggilan HLB di 03-76268899 untuk mendapatkan penjelasan.

Am

14. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Layak:
 - a) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&C Kempen;
 - b) bersetuju bahawa keputusan HLB ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pemegang Kad Layak dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayan; dan
 - c) bersetuju untuk mengakses laman web HLB di "www.hlb.com.my" ("Laman Web HLB ") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&C bagi mendapat maklumat terkini mengenai perubahan atau pindaan kepada T&C.
15. HLB berhak untuk:
 - a) membatalkan mana-mana Pemegang Kad Layak untuk apa-apa jua sebab menurut budi bicara mutlak HLB yang dianggap wajar daripada menyertai Kempen; dan

- b) menambah, menolak, menggantung atau mengubah T&C yang terkandung di sini, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya atau untuk menggantung atau menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlak HLB dengan cara mempamerkannya di laman web, atau dalam apa cara sekalipun yang dianggap praktikal, untuk memberi notis kepada Pemegang Kad Layak apa-apa penambahan, pemotongan atau pindaan T&C tersebut atau penggantungan atau penamatan Kempen ini.
16. T&C ini hendaklah dibaca bersama sebagai keseluruhan perjanjian dengan Perjanjian Pemegang Kad, yang mengawal peruntukan kemudahan kad kredit oleh Bank kepada Pemegang Kad Layak. Sekiranya terdapat percanggahan di mana-mana T&C dan Perjanjian Pemegang Kad, T&C yang terkandung di sini akan diguna pakai setakat ketidakseragaman tersebut.
17. T&C yang terkandung di sini adalah tertakluk di bawah dan dibentuk selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.